

11 MAY 1997

Forum-Umno

UMNO MESTI KEKALKAN SIKAP TERBUKA, KATA PAK SAMAD

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Sikap keterbukaan, fleksibel dan tidak kaku parti Umno mesti dikekalkan untuk memastikan kedudukannya kini dipertahankan, demikian pendapat seorang wartawan veteran dan nasionalis tempatan Tan Sri Abdul Samad Ismail tentang masa depan Umno.

"Umno dapat bertahan hingga kini sebab ia tidak kaku, fleksibel, pragmatik dan dapat menerima sebarang perubahan yang dicadangkan," katanya pada forum Pengkisahan Sejarah Umno bertajuk "Kejayaan dan Cabaran" di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Forum yang dipengerusikan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Johan Jaaffar itu adalah anjuran Pergerakan Pemuda Umno sempena sambutan ulangtahun ke-51 parti hari ini. Dua lagi anggota panel forum ialah pensyarah di Universiti Malaya Prof Madya Mahadzir Mohd Khir dan tokoh veteran Umno Tan Sri Mustapha Jabar.

Beliau berkata parti yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946 untuk menyatupadukan orang Melayu bagi menentang gagasan Malayan Union pada zaman pemerintahan British itu perlu mengekalkan sifatnya sebagai 'penggerak' yang memajukan bangsa dan negara.

"Peranan ini perlu dipertahankan hingga sekarang, jika tidak ia (parti) akan kaku," kata beliau yang lebih dikenali sebagai "Pak Samad".

Menurut Pak Samad, sifat parti itu yang mudah menerima idea atau inspirasi dari mana-mana pihak demi kebaikan dan perubahan, menyebabkan Umno dapat mengikut peredaran masa.

"Umno senang menerima idea untuk perubahan. Ini menyebabkan Umno tidak seperti anak dara tua, sebaliknya Umno sentiasa awet muda," katanya disambut deraihan ketawa para hadirin.

Seorang lagi anggota panel, Mahadzir yang membangkitkan mengenai bentuk perjuangan anggota Umno yang dikatakan semakin berubah, berkata anggota parti perlu mengekalkan idealisme perjuangan kerana sekiranya terkeluar daripada idealisme itu, parti akan mengalami kehancuran.

Dengan mengambil contoh perubahan idealisme sesetengah pihak dalam Umno yang mengakibatkan berlakunya rasuah dan salahguna kuasa, beliau berkata: "pemimpin Umno yang ada kuasa tetapi tidak tahu cara menggunakan kuasanya adalah pemimpin yang bodoh."

Pada zaman 2020 nanti, jika anggota Umno tidak mengekalkan idealisme parti sudah pasti parti tidak akan berjaya melanjutkan perjuangannya, katanya.

Mahadzir berkata anggota parti kini perlu kembali berpegang kepada idealisme asal parti dengan menilai sejarah perjuangan penubuhannya kerana melalui cara itu, kelemahan dan kekuatan parti dapat diketahui.

Ucapan presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung parti tahun lepas yang antaranya meminta anggota Umno supaya 'sayangkan parti, bangsa, agama dan negara' menunjukkan idealisme yang perlu diikuti semula semua pihak, katanya.

Beliau juga meramalkan bahawa parti lawan utama Umno iaitu Pas, tidak akan dapat menggantikan Umno walaupun parti itu menukar pendekatannya menjadi lebih terbuka daripada sekarang.

Berdasarkan fakta sejarah yang ada, sejak pilihan raya pertama negara pada 1955, parti itu hanya menang satu kerusi, begitu juga dengan pilihan raya seterusnya mereka tidak pernah menang banyak, katanya.

Sementara itu, Mustapha yang pernah menjadi Setiausaha Agung Umno ketika mengimbas kembali sejarah penubuhan Umno berkata, parti itu mendapat

namanya sekarang berikutan cadangan nasionalis waktu itu, Za'aba.

Mustapha berkata Umno pada awalnya dikenali sebagai U.M.O. (United Malay Organisation) atau Parti Melayu Bersatu bagaimanapun Za'aba mencadangkan supaya perkataan `National' (huruf N pada Umno) dimasukkan untuk menunjukkan penglibatan orang Melayu seluruh negara dalam parti itu.

Katanya orang Melayu pada masa itu bersatu menentang cadangan pembentukan Malayan Union dengan mengadakan tunjuk perasaan besar-besaran di hadapan Hotel Station di sini, tempat berlangsungnya majlis menandatangani perjanjian antara Raja-raja Melayu dan pemerintah Inggeris diadakan.

Beliau turut menyatakan keyakinannya bahawa Umno sekarang akan dapat menghadapi cabaran dan ujian masa depan dengan memperbaharui tekad perjuangannya.

"Umno harus berdiri kukuh untuk menerima cabaran. Ia perlu mengekalkan pendekatan sederhana dan sikap terbuka yang sedia diamalkan," katanya. --
BERNAMA

RAZ RON